



PROGRAM JATIDIRI KMP

Program selama tiga hari ini adalah anjuran bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kolej Matrikulasi Perlis (KMP), dan juga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Ia telah diadakan pada 9 hingga 11 Januari 2004 di KMP, Arau dan melibatkan peserta seramai 1350 orang pelajar yang juga dari KMP. Seramai 70 fasilitator yang terdiri dari staf dan pelajar KUKUM serta pelajar UUM telah membantu perjalanan program ini.

Program ini diadakan bagi memupuk budaya cemerlang dan juga semangat patriotisme di kalangan para peserta. Ia juga bagi meningkatkan motivasi pelajar terbabit serta kesedaran bahawa mereka semua adalah agen kecemerlangan untuk negara. Majlis penutup program ini telah diadakan di Dewan Besar KMP dan disempurnakan oleh Y Bhg. Rektor KUKUM.

